



Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Semua Warga LGM
Daripada : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/KP/KUPSM/027
Tarikh : 09 Mac 2021

**KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
BILANGAN 3 TAHUN 2021**

PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan surat JPA no.ruj JPA.BK(S)256/6/36 Jld. 11 (19) yang bertarikh 5 Mac 2021.

2. Adalah dimaklumkan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang dilaksanakan oleh kerajaan bertujuan untuk memastikan antara 70% sehingga 80% rakyat menerima vaksin menjelang Februari 2022 dan sekaligus membentuk imuniti kelompok bagi menyertai Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang telah dimulakan sejak 24 Februari 2021.

3. YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara pada 25 Februari 2021 telah menyarankan semua pegawai Perkhidmatan Awam untuk segera mendaftar bagi menyertai Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

4. Sehubungan itu, dimohon semua warga LGM untuk segera mendaftar melalui mana-mana saluran pendaftaran yang disediakan.

Sama-samalah kita berusaha untuk menghentikan penularan COVID-19 di negara kita.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”

(IRWAN HARIS BIN ZAINAL ABIDIN)

s.k Ketua Pengarah
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Operasi)
Pengarah-Pengarah Bahagian